

05 OCT 2001

PEKEMA USAHA ELAK ANGGOTA JUAL PERMIT IMPORT KERETA

KOTA BAHARU, 5 Okt (Bernama) -- Persatuan Pengimport dan Perniagaan Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema) akan melakukan pemantauan di kalangan anggotanya bagi memastikan mereka tidak menjual permit import (AP) kereta kepada bukan bumiputera.

Ketua Biro Penerangannya, Senator Datuk Mohamad Abdul Ghani berkata persatuan itu juga akan meningkatkan kesedaran di kalangan mereka bahawa mereka akan mendapat lebih keuntungan jika berniaga sendiri.

Melalui langkah itu Pekema yakin masalah itu akan dapat diatasi dengan sebaik mungkin, kata Mohamad yang juga Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ekoran kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melahirkan kekecewaannya kerana ramai Bumiputera yang diberi permit import (AP) kereta, menjual lesen itu kepada bukan Bumiputera bagi mengaut keuntungan segera.

Mohamad berkata terdapat segelintir pemegang AP yang telah memberikan lesen mereka kepada bukan Bumiputera.

Di samping itu terdapat juga segelintir pemegang AP yang menjalankan kerjasama dengan peniaga bukan Bumiputera dan mereka ini memiliki bilik pameran masing-masing, katanya.

Beliau berkata Pekema akan berusaha bersungguh-sungguh supaya pemegang lesen import di kalangan anggotanya akan melaksanakan sendiri pengimportan, penggunaan modal dan penjualan kenderaan itu.

-- BERNAMA

WM BD NMO